

**INTERAKSI SOSIAL KEJIRANAN KOMUNITI BANDAR  
KAJIAN KES : TAMAN UNGKU TUN AMINAH, JOHOR BAHRU, JOHOR**

**Oleh  
NORAZAH BTE HJ. ABD MAJID**

**Jabatan Perancangan Bandar Dan Wilayah  
Fakulti Senibina, Perancangan Dan Ukur  
Universiti Teknologi Mara  
Shah Alam**

**APRIL 2002**

## PENGHARGAAN

***Bismillahirahmanirahim.....***

Alhamdulillah, syukur ke hadrat llahi kerana dengan izin dan limpah kurniaNya, akhirnya tesis ini telah dapat disiapkan dalam tempoh yang telah ditetapkan. Penghasilan tesis ini bukannya hanya dengan sekilip mata sahaja. Tanpa usaha dan semangat yang cekal, tidak mungkin tesis ini boleh dilaksanakan dengan sempurna.

Sekalung penghargaan dan terima kasih diucapkan kepada Penyelia Tesis ini iaitu Cik Muna bte Sanmin di atas segala nasihat, tunjuk ajar dan bimbingan yang cukup bermakna yang diberikan sepanjang tempoh kajian ini dijalankan. Tidak juga dilupakan buat seluruh pensyarah Jabatan Perancangan Bandar dan Wilayah, Fakulti Senibina, Perancangan dan Ukur, Universiti Teknologi MARA, Shah Alam. Kerjasama dan segala tunjuk ajar selama saya disini, amat dihargai.

Ucapan penghargaan ini juga ditujukan kepada kakitangan Jabatan Perancangan Bandar dan Seni Taman, Majlis Perbandaran Johor Bahru Tengah, Ahli Jawatankuasa Masjid Hajah Momenbe Mohamad Angulia, Tetuan Tasek Realty Sdn. Bhd, Ahli Jawatankuasa Rukun Tetangga Cawangan Bentara serta seluruh penduduk Taman Ungku Tun Aminah yang telah banyak membantu di dalam mengumpulkan maklumat. Kerjasama dan bantuan yang diberikan amatlah dihargai dan diiringi ucapan terima kasih.

Buat yang disayangi kedua ibu bapa, ayahanda dan bonda doa restu, kasih sayang, dorongan kalian akan sentiasa dikenang sepanjang hayat. Juga buat seluruh keluarga yang sentiasa memberikan perangsang. Buat semua teman seperjuangan, (Sarjana Muda Perancangan Bandar dan Wilayah Sesi Mei 2001 hingga April 2002) terima kasih atas kerjasama dan kenangan suka duka yang dikongsi bersama.

Akhir kata, buat mereka yang terlibat secara langsung atau tidak dalam penyediaan tesis ini, Segala jasa dan bakti yang dicurahkan tidak dilupakan selagi hayat dikandung badan.

Wassalam.

## **ABSTRAK**

Interaksi sosial kejiranan adalah merujuk kepada aktiviti yang dijalankan di kalangan jiran iaitu berinteraksi antara satu sama lain dalam sesebuah kawasan perumahan. Para ahli perancangan sosial dan fizikal menggunakan pelbagai pendekatan yang sesuai bagi mewujudkan kawasan kediaman yang selesa, selamat serta mempunyai interaksi sosial yang baik di kalangan penduduknya. Namun begitu, terdapat isu yang menyatakan bahawa komuniti bandar masa kini mempunyai kurang interaksi, tidak mengamalkan sikap gotong-royong, amalan bekerjasama, kurang semangat kejiranan dan lebih kritikal lagi, terdapat jiran yang tidak mengenali jiran sebelahnya. Hasrat kerajaan ingin menjadikan masyarakat Malaysia sebuah masyarakat penyayang mungkin tidak akan tercapai jika fenomena seperti ini berterusan. Kajian seperti ini perlu dijalankan sebagai asas dalam membentuk garis panduan yang berkaitan dengan interaksi sosial kejiranan di kawasan perumahan. Tujuan kajian ini adalah untuk mengenalpasti dan membuktikan tahap interaksi sosial kejiranan yang wujud di dalam komuniti bandar di kawasan perumahan terancang pada masa kini. Melalui kajian ini, penemuan telah membuktikan bahawa masih terdapatnya interaksi sosial yang baik di dalam komuniti bandar di kawasan perumahan. Faktor masa adalah di antara halangan yang menyebabkan interaksi sosial kurang berlaku. Sebilangan komuniti bandar adalah terdiri daripada mereka yang bekerja Namun begitu berdasarkan penemuan kajian didapati, komuniti bandar masih mengamalkan budaya bertegur apa dan memberi salam, berbual-bual di luar rumah serta menziarahi jiran walaupun dalam kekerapan setahun. Selain itu amalan gotong royong, bantu membantu, sikap mempercayai jiran, melakukan aktiviti masa lapang secara bersama di kalangan penduduk setempat masih diamalkan. Kemudahan masyarakat yang disediakan di kawasan perumahan temyata mampu bertindak sebagai pemangkin kepada interaksi sosial kejiranan penduduk di kawasan perumahan ini. Selain itu tahap mutu perancangan perumahan perlu dipertingkatkan selaras dengan matlamat perancangan bandar untuk mewujudkan tempat kediaman yang teratur, selesa di mana penduduk dapat hidup secara aman serta menikmati kemudahan secara bersama. Perkara seperti ini perlu dipandang serius oleh juru rancang bandar di dalam perancangan kawasan perumahan di bandar. Hal ini secara tidak langsung turut mendorong ke arah tingkat interaksi sosial yang baik dan membawa keharmonian hidup sejagat.

Penghargaan	i
Abstrak	ii
Isi Kandungan	iii
Senarai Jadual	viii
Senarai Rajah	x
Senarai Foto	xi
Senarai Lampiran	xii

## KANDUNGAN

### BAB 1 PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan	1
1.2 Kepentingan Kajian	5
1.3 Kenyataan Masalah	6
1.4 Tujuan dan Objektif Kajian	8
1.5 Skop Kajian	9
1.6 Kawasan Kajian	11
1.7 Methodologi Kajian	12
1.8 Rumusan	18

### BAB 2 KAJIAN TEORITIKAL

2.1 Pengenalan	19
2.2 Definisi	19
2.2.1 Definisi Interaksi Sosial	19
2.2.2 Definisi Jiran	21
2.2.3 Definisi Kejiranan	23
2.2.4 Definisi Komuniti	25

2.3	Teori dan Konsep Komuniti Bandar	25
2.3.1	Herbert J. Gan's 'Urbanism and Suburbanosme' As ways Of life	26
2.3.2	Suzanne Keller 'The Neighbourhood : A Sociological Perspective'	28
2.3.3	Wirth's'Urbanism as a Way Of life'	29
2.3.4	Perspektif Islam	31
2.4	Doktrin Perancangan dan Pembangunan Sejagat - Hubungan Manusia dengan Manusia	35
2.5	Perancangan Ideal Kejiranan	36
2.5.1	Komuniti	36
2.5.2	Identiti	37
2.5.3	Keselamatan	37
2.5.4	Kemudahan	37
2.5.5	Keselesaan	38
2.6	Pola Interaksi Dalam Ruang Terancang Kawasan Perumahan	39
2.7	Kajian-Kajian Yang Terdahulu Yang Pernah Dijalankan	46
2.7.1	Kajian Tingkat Interaksi Sosial Komuniti Bandar Bagi Kawasan Perumahan Kos Rendah Kajian Kes : Taman Perling MDJBT, Johor Bahru, Johor	47
2.7.2	Kajian Susunatur Perumahan : Satu Agen Pengrealisasi Ke Arah Memantapkan Unit Kejiranan, Masakini Kajian Kes : Subang Jaya	48
2.8	Kesimpulan Bagi Kajian Terdahulu	53